

12 MAY 2000

Umno-Bahas (Analisis)

DESAKAN UMNO PERBAIKI DIRI DI SEMUA PERINGKAT SEMAKIN LANTANG

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Umno akhirnya menyedari bahawa kelemahan dan kesilapan masa lampau merupakan antara faktor utama pengaruhnya di kalangan orang Melayu merosot pada pilihan raya umum November tahun lepas.

Kerana kesedaran itulah agaknya maka desakan agar Umno memperbaiki diri di semua peringkat kedengaran begitu lantang sekali pada perhimpunan agung ke-54 parti itu yang sedang berlangsung di sini.

Atas kesedaran itu jugalah agaknya maka sebilangan pembahas dengan berani bercakap tanpa berselindung dan sanggup menuding jari ke arah pemimpin, rakan-rakan seperjuangan dan diri sendiri.

Bahkan ada antara mereka yang secara tegas tetapi penuh sopan menggesa agar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri selaku presiden parti mempelopori usaha menghitung kesilapan masa lalu itu untuk dijadikan contoh dan ikutan.

Mereka merumuskan bahawa Umno hanya akan terus menjadi relevan dan berwibawa di kalangan orang Melayu jika pemimpin tertinggi, pertengahan, bahagian dan cawangan sanggup menyuluh kelemahan diri sendiri dan mengatasinya.

Wakil Kelantan Datuk Annuar Musa yang membahaskan ucapan dasar presiden berkata pemimpin-pemimpin tinggi parti yang turut memegang jawatan penting dalam kerajaan termasuk Perdana Menteri dan timbalannya, menteri kabinet dan menteri besar atau ketua menteri mestilah turun melaksanakan kerja parti menjangkau batasan kawasan pilihan raya masing-masing.

"Jangan hanya asyik membuat kerja kerajaan sehingga kerja parti terabai kerana kerajaan yang kuat belum menjamin parti yang menerajui kerajaan itu juga kuat," katanya.

Jika perubahan itu tidak dilakukan, tidak mustahil Umno akan menghadapi nasib yang sama seperti Liberal Democratic Party di Jepun, Kuomintang di Taiwan dan Golkar di Indonesia yang semuanya tumbang ketika kerajaan yang didokongi sedang ghairah merancang pembangunan untuk negara.

Annuar berkata dalam konteks memperkuat parti, Umno telah tercicir jika dibandingkan dengan PAS.

Sebagaimana contoh, katanya, walaupun Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat merupakan Menteri Besar Kelantan, beliau sentiasa menjelajah seluruh negara bagi mengembangkan pengaruh parti itu.

"Begitu juga dengan Menteri Besar Terengganu Haji Abdul Hadi Awang dan anggota Parlimen Kuala Kedah Haji Mohamad Sabu, sekadar beberapa contoh," katanya.

Annuar menegur sikap sesetengah anggota MT yang hanya asyik mengelek fail setiap kali ada mesyuarat MT tetapi kebanyakan keputusan yang dirumuskan pada mesyuarat itu tidak dilaksanakan.

"Pelbagai biro yang ada dalam Umno termasuk biro politik masih belum berfungsi seperti sepatutnya manakala penggunaan kemudahan IT seperti komputer masih terkebelakang berbanding PAS walaupun kerajaan yang diterajui Umno adalah penggerak utama Koridor Raya Multimedia," katanya.

Pengagihan dan penurunan kuasa dalam parti hendaklah dilaksanakan sewajarnya kerana dalam keadaan sekarang Dr Mahathir kelihatan seolah-olah bergerak seorang diri, katanya.

"Beliaulah presiden, beliaulah timbalan presiden, naib presiden, anggota MT, ketua pemuda dan ketua wanita. Yang lain-lain macam penumpang sahaja," kata Annuar yang semalam dipilih anggota MT.

Dalam nada yang sama, Annuar berpendapat satu cara Umno boleh membuat perubahan ke arah yang lebih dinamik ialah dengan Dr Mahathir sendiri mengubah cara dan pendekatannya.

"Saya membuat saranan ini kerana kasih sayang saya kepada Dr Mahathir amat kuat sekali, dan seperti anggota-anggota yang lain saya mahu beliau terus memimpin dan menerajui parti. Saya percaya Dr Mahathir mempunyai kekuatan untuk membuat perubahan itu," kata Annuar.

Menurutnya, pemimpin Umno mesti sanggup menerima nasihat dan kritikan "kerana ketika bukan semua nasihat itu betul, tidak semua kritikan itu pula salah," katanya.

Beliau juga menganggap kegagalan melaksanakan dengan berkesan konsep "parti menguasai kerajaan, bukan kerajaan menguasai parti", sebagai satu lagi kelemahan besar Umno pada masa lalu.

Dengan cara itu sajalah baru dapat dipastikan setiap pegawai kerajaan yang hendak dilantik ke jawatan kanan seperti Datuk Bandar terdiri daripada mereka yang dapat bekerjasama dengan parti dan benar-benar faham perjuangan parti dan agenda Melayu, katanya.

Satu lagi kelemahan yang menurut Annuar perlu diperbetulkan ialah amalan menolak pandangan atau teguran cendekiawan Melayu yang sepatutnya diajak bersama menggubal dan menjayakan agenda Melayu di alaf baru.

Wakil Terengganu Haji Awang Jabbar pula berkata Umno berada dalam keadaan goyah ketika menghadapi pilihan raya umum yang lalu kerana banyak orang Melayu dan anggota Umno sendiri terkena penyakit "tidak puas hati".

Penyakit itu, katanya, pernah menyerang orang Melayu sehingga menyebabkan perpecahan besar pada 1951 apabila usul Kesatuan Melayu Singapura mahu menjadikan Tanah Melayu sebuah negara Islam dimaktubkan dalam perlembagaan negara, ditolak, dan ekorannya itulah PAS ditubuhkan.

Penyakit tidak puas hati itu juga berulang pada 1987 selepas berlaku pertandingan merebut jawatan presiden parti antara Dr Mahathir dan Tengku Razaleigh Hamzah, dan pada 1987 apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno.

Wakil Perak Sharani Mohamad pula berpendapat satu lagi punca kelemahan Umno ialah peranan tidak berkesan yang dimainkan oleh jentera penerangannya sehingga gagal menyalurkan banyak maklumat terkini kepada anggota bawahan menjelang pilihan raya yang lepas.

Beliau berkata Umno wajar menubuhkan sebuah jabatan penerangannya sendiri dan melantik pegawai-pegawai penerangan sepenuh masa di seluruh negara bagi mengatasi kelemahan itu.

Melihat daripada keterbukaan perbincangan itu dan ketenangan semua pemimpin tertinggi parti menerima kritikan dan cadangan yang diketengahkan, Umno ternyata belum terlewat untuk mengelak kesilapan lampau dan kekal menjadi sebuah parti politik untuk orang Melayu terus bergantung harapan.

-- BERNAMA

AM MAI